



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERADAAN KESUSASTERAAAN MELAYU DALAM DUNIA SIBER

YUSRI BIN YASIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAAN MELAYU.**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa laporan projek ini merupakan karya asal saya yang berlandaskan kajian dan penyelidikan saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.



Tandatangan

YUSRI BIN YASIN
M20082000316





PENGHARGAAN

Bismil'lahirah'manirohim.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka pengkaji dapat menyiapkan laporan projek ini mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Sekalung penghargaan juga ingin pengkaji rakamkan kepada penyelia laporan projek, Dr Abdul Halim bin Ali dari Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Beliau telah banyak memberi bimbingan, teguran, nasihat, galakan, sumbangan buah fikiran serta tunjuk ajar hingga pengkaji berjaya menyiapkan kajian ilmiah ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga pengkaji ucapkan kepada semua pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim yang turut sama memberikan tunjuk ajar serta bimbingan dan mencurahkan ilmu pengetahuan sepanjang pengajian di Universiti ini. Kejayaan ini juga merupakan hasil dorongan serta bantuan sahabat-sahabat yang sentiasa bersedia menyokong pengkaji. Pengkaji turut terhutang budi kepada isteri tercinta, anak-anak tersayang, kedua orang tua yang dikasihi serta ahli keluarga kerana sentiasa berada di sisi mencurahkan kasih sayang serta memberikan sokongan sepanjang proses menyiapkan laporan projek. Tanpa bantuan daripada kalian maka agak sukar bagi pengkaji menyempurnakan latihan ilmiah ini. Akhir sekali dirakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan kajian ilmiah ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Semoga segala bantuan dan kerjasama yang diberikan akan mendapat balasan daripada-Nya.

YUSRI BIN YASIN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.





ABSTRAK

Kemunculan laman-laman *web* kesusasteraan Melayu di dalam dunia *siber* merupakan satu petanda bahawa kesusasteraan Melayu telah mula berkembang seiring dengan perkembangan teknologi. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk melihat keberadaan kesusasteraan Melayu di alam *siber*. Bagi tujuan tersebut, dua objektif ditetapkan iaitu (1) mengenalpasti jenis-jenis kesusasteraan Melayu dalam alam *siber* dan (2) mengetahui penglibatan penulis-penulis di alam *siber*. Perspektif kajian ini juga merangkumi *genre* kesusasteraan Melayu yang terdapat di alam maya dan penulis-penulis yang terlibat di dalam sastera *siber*. Kajian ini juga merupakan sebuah kajian deskriptif dan data bagi kajian ini dikutip melalui kaedah historikal di mana laman-laman sesawang kesusasteraan Melayu merupakan sumber data utama. Dua enjin carian iaitu *Yahoo* dan *Google* merupakan alat bagi mengumpul maklumat berkaitan keberadaan kesusasteraan Melayu di alam *siber*. Setelah itu data yang dikumpul dianalisis secara historikal dan dibincangkan secara deskriptif. Hasil analisis kajian ini menjawab kedua-dua persoalan kajian. Kesemua *genre* iaitu ProsaMelayu Klasik, ProsaMelayu Moden, puisi Melayu Klasik, puisi Melayu Moden serta Drama boleh diakses di alam *siber*. Analisis ini turut menunjukkan bahawa tokoh-tokoh penulis-penulis juga didapati terlibat di dalam kewujudan kesusasteraan Melayu di alam *siber*. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi pelajar, guru serta masyarakat. Mereka disarankan supaya melibatkan diri dalam penggunaan bahan sastera di laman *web* serta menulis di laman *web* supaya bahan sastera di laman *web* dapat diperkayakan.





ABSTRACT

Then existence of Malay literature *websites* in the cyber world is an indication that Malay literature has flourished parallel with the development of technology. This research is carried out in order to determine the existence of Malay literature in the cyber world. For that purpose, two objectives have been set which are; (1) identify types of Malay literature in the cyber world; and (2) determine the involvement of the writers in the cyber literature. Perspective of this research including *genres* of Malay literature in the cyber world and the writers involved in the cyber literature. This is a descriptive research and the data for this research is collected using historical method where Malay literature *web* sites are the main data resources. Two search engines which are *Yahoo* and *Google* are the tool to collect information regarding the existence of Malay literature in the cyber world. Subsequently, the data which is collected is analyzed historically and discussed descriptively. The result of this research answered both research questions. All *genres* which are Malay classic prose, Malay modern prose, Malay classic poetry, Malay modern poetry and Drama exist in the cyber world. The analysis also showed that the writers are involved in the existence of Malay literature in the cyber world. There are also few suggestions for students, educators, and society. They are suggested to get involve in the usage of literature materials on the *websites* as well as writing on the *websites* to enrich the materials.





ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	X
 BAB SATU : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Istilah	9
1.9 Kesimpulan	11
 BAB DUA : SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Sorotan Literatur Dalam Negara	13
2.3 Sorotan Literatur Luar Negara	16
2.4 Kesimpulan	22
 BAB TIGA: METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Kaedah Kajian	24
3.3 Sumber Data	26
3.4 Rekabentuk Kajian	26
3.5 Prosedur Kajian	27
3.6 Analisis Data dan Asas Teori	28
3.7 Kesimpulan	28





BAB EMPAT : ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	29
4.2	Nama-nama Laman Sesawang Kesusasteraan Melayu berasaskan Carian Enjin <i>Yahoo</i> dan <i>Google</i>	29
4.3	Laman Sesawang berasaskan <i>Genre</i>	34
4.4	Penglibatan Tokoh Penulis	45
4.5	Rumusan Dapatan	51
4.6	Kesimpulan	52

BAB LIMA : PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	53
5.2	Perbincangan Dapatan	54
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian dan Kaitannya dengan Persoalan Kajian	57
5.4	Cadangan dan Saranan	58
5.5	Cadangan Untuk Kajian akan Datang	61
5.6	Kesimpulan	62

BIBLIOGRAFI

63



LAMPIRAN A : Senarai laman *web* di enjin carian *Yahoo*

LAMPIRAN B : Senarai laman *web* di enjin carian *Google*

LAMPIRAN C : *Blog-blog* tokoh penulis





SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
4.1	Carian menggunakan enjin <i>Yahoo</i>	32
4.2	Carian menggunakan enjin <i>Google</i>	33
4.3	Jumlah laman-laman berasaskan <i>genre</i>	44
4.4	Tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung di alam <i>siber</i>	48
4.5	Tokoh-tokoh yang dilibatkan di alam <i>siber</i>	49





SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
3.1	Kerangka konsep kajian	27
4.1	Nama-nama laman sesawang melalui carian enjin <i>Yahoo</i> .	30
4.2	Nama-nama laman sesawang melalui carian enjin <i>Google</i> .	31
4.3	Laman sesawang Prosa Melayu Klasik di enjin carian <i>Yahoo</i> .	34
4.4	Laman sesawang Prosa Melayu Klasik di enjin carian <i>Google</i> .	35
4.5	Laman sesawang Prosa Melayu Moden di enjin carian <i>Yahoo</i> .	36
4.6	Laman sesawang Prosa Melayu Moden di enjin carian <i>Google</i> .	37
4.7	Laman sesawang puisi Melayu Klasik di enjin carian <i>Yahoo</i> .	38
4.8	Laman sesawang puisi Melayu Klasik di enjin carian <i>Google</i> .	39
4.9	Laman sesawang puisi Melayu Moden di enjin carian <i>Yahoo</i> .	40
4.10	Laman sesawang puisi Melayu Moden di enjin carian <i>Google</i> .	41
4.11	Laman sesawang Drama Melayu di enjin carian <i>Yahoo</i> .	42
4.12	Laman sesawang Drama Melayu di enjin carian <i>Google</i> .	43
4.13	Laman sesawang tokoh kesusasteraan Melayu di enjin carian <i>Yahoo</i> .	46
4.14	Laman sesawang tokoh kesusasteraan Melayu di enjin carian <i>Google</i> .	47



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan dunia *siber* menyaksikan perubahan yang mendadak dalam corak penampilan bahan bacaan. Khalayak kini boleh menikmati serta mendapat manfaat daripada pelbagai bahan bacaan secara percuma dan pantas. Kesempatan ini tidak disia-siakan oleh semua golongan terutama sekali bagi tujuan perniagaan. Namun bagaimana pula kelebihan alam *siber* ini dimanfaatkan oleh golongan penulis-penulis serta pembaca bagi tujuan memartabatkan kesusasteraan Melayu? Sememangnya tidak dinafikan sastera *siber* turut menjadi perhatian di negara ini. Menurut Abdul Halim Ali (2006:52), Kesusasteraan Melayu telah memasuki ruang *siber* dan menjadi sebahagian daripada dunianya. Inisiatif pihak-pihak yang menyokong kelebihan sastera *siber* ini banyak membantu keberadaan kesusasteraan Melayu di alam *siber*. *E-sastera.com* misalnya sangat aktif dalam menggalakkan sastera di alam maya.



Begitu juga dengan *Karyanet* yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain daripada itu, *blog-blog* peribadi yang dibangunkan oleh golongan-golongan penulis muda turut menghiasi ruang *siber* dan memperkayakan lagi hasil sastera *siber*. Hasil karya yang dimuatkan di alam *siber* pula tidak terbatas kepada tajuk serta *genre*. Malahan sumbernya pula ada yang tidak dapat dikesan sama sekali. Ini memudahkan pelbagai pihak untuk turut serta mengambil bahagian dalam menyumbangkan buah fikiran serta kreativiti mereka.

Persoalan bermutu atau tidaknya sesuatu hasil karya sesekali menjadi tajuk perbincangan antara golongan yang menyokong serta golongan yang menolak kelebihan sastera *siber* ini. Namun demikian, usaha memperkembangkan kesusasteraan Melayu di alam *siber* tidak harus terhenti hanya kerana isu mutu sastera itu sendiri. Menurut Sasterawan Negara Datuk Dr Mohd Anuar Rethwan di dalam *Bernama.com* bertarikh 18 Ogos 2009, evolusi penulisan sastera yang kini mula berkembang di *Internet* terutama di kalangan golongan muda tidak sewajarnya disekat walaupun terdapat karya yang kurang bermutu (http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=433847). Pendapat ini jelas membuktikan bahawa dalam usaha memastikan kesusasteraan Melayu mendapat tempat di alam *siber*, persoalan kualiti hasil karya sastera tersebut bukanlah pokok persoalan utama yang harus menjadi perhatian. Mutu sastera *siber* hanya boleh dipertikai sekiranya dapat dibuktikan bahawa kesusasteraan Melayu benar-benar wujud di alam *siber*. Namun, sehingga ke hari ini, tiada kajian menyeluruh mengenai sejauh mana sastera *siber* ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat negara





samada bagi tujuan menambahkan khazanah kesusasteraan Melayu, mahupun sebagai medan perbincangan serta kritikan sastera. Oleh itu, sebuah kajian mengenai jumlah laman sesawang kesusasteraan Melayu yang boleh dilayari di alam *siber* perlu dijalankan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dunia *siber* kini merupakan sebahagian daripada media yang digunakan untuk memuat pelbagai informasi. Istilah dunia di hujung jari menjadi kenyataan apabila segala maklumat dapat dicapai dengan hanya menaip kata kunci yang dikehendaki. Perkembangan pembelajaran Kesusasteraan Melayu turut menuntut khalayak mencari maklumat di alam *siber*. Persoalannya, adakah pembaca diberi pelbagai pilihan yang membolehkan mereka menjadikan bahan sastera *siber* sebagai sumber rujukan dan bahan bacaan bagi mengenali kesusasteraan Melayu dengan lebih mendalam?

Menurut Mohd Dahri Zakaria (2004), terdapat sesetengah pihak yang melihat sastera di alam *siber* hanya sebagai lambakan karya. Sikap sebegini mungkin menjadi faktor mengapa hasil karya sastera di alam *siber* kurang mendapat perhatian malahan kurang mendapat penyertaan daripada penulis-penulis mapan. Mutu serta jumlah hasil karya sastera *siber* hanya dapat dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang bertanggungjawab dalam bidang penulisan mengambil bahagian dengan menyumbangkan pelbagai karya bermutu serta mengawasi kemunculan hasil karya lain yang difikirkan kurang bermanfaat kepada khalayak. Perbincangan, kritikan serta





forum merupakan antara pendekatan yang dapat membantu melonjakkan lagi mutu hasil karya di alam *siber*. Membiarkan hasil karya *siber* ini sepi tanpa perhatian mungkin bukan satu tindakan bijak.

Oleh itu, semua pihak samada pelajar, guru serta masyarakat perlu melihat sendiri hasil karya sastera *siber* yang menjadi tatapan masyarakat negara ini serta masyarakat luar. Bahan sastera *siber* ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan, malahan secara tidak langsung ia turut mencerminkan mutu serta kekayaan hasil kesusasteraan Melayu di mata masyarakat dunia. Hal ini jelas memandangkan bahan-bahan yang tersiar di alam *siber* turut dibaca oleh masyarakat luar dalam usaha mengenal serta menilai kesusasteraan Melayu itu sendiri. Menurut Irwan Abu Bakar, karya sastera yang disiarkan di *Internet* oleh penulis yang berada di Malaysia akan dapat diakses dari seluruh pelosok dunia, tidak kira sama ada pelayan (*server*) yang digunakan secara fizikalnya berada di Malaysia atau di luar Malaysia (<http://esastera.com/kk/Internetpoetry.htm>). Namun demikian, Nazmi Yaakub (2010) di dalam ulasannya berpendapat, usaha promosi sastera tanahair melalui dunia *siber* sememangnya telah lama dibangkitkan, namun sehingga ke hari ini masih belum wujud laman sesawang atau portal lengkap yang boleh dirujuk oleh pengkaji, pengarang dan peminat sastera dari luar negara.

Kewujudan kesusasteraan Melayu di alam *siber* dapat dibuktikan melalui perbincangan di media elektronik mahupun media cetak mengenai sastera tersebut. *Utusan Online* misalnya antara media yang sering menyiarkan perbincangan





mengenai sastera *siber* ini. ‘Sidang Serantau Sastera *Siber*’ merupakan antara tajuk utama di *Utusan Online* bertarikh 29 Oktober 2006 yang mana ia memaparkan mengenai program ‘Memperkasa Sastera Melayu Melalui *Internet*’. Selain daripada itu, Dewan Sastera terbitan November 2006 turut membincangkan mengenai sastera *siber* di negara ini. Namun demikian, perbincangan-perbincangan yang bertemakan sastera *siber* ini hanya memberikan tumpuan kepada kelebihan serta kekurangan sastera *siber*. Bukti sejauh mana kesusasteraan Melayu berada di alam *siber* masih belum ditunjukkan oleh mana-mana pengkaji di Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

Perbincangan mengenai sastera *siber* merupakan fenomena baru yang kian mendapat perhatian. Pelbagai pandangan diberikan samada daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan keberadaan sastera *siber*, mahupun mereka yang sekadar menjadi pemerhati. Keterlibatan pelbagai pihak ini menggambarkan bahawa kewujudan kesusasteraan Melayu di alam *siber* kian berkembang.

Salah satu isu yang muncul di media arus perdana ialah mengenai kedudukan sastera yang kurang mendapat tempat di hati masyarakat. *Utusan Online* bertarikh 26 Mac 2010 memaparkan isu sastera tempatan terpinggir oleh Aznan Bakar yang membincangkan betapa di zaman *siber* ini, sastera tempatan kurang mendapat tempat di hati generasi masa kini malahan ruang yang diberikan untuk aktiviti sastera di negara ini juga semakin hari semakin sedikit. Adakah pendapat ini benar? Seandainya





benar sastera kian terpinggir, adakah masyarakat harus membiarkannya berterusan? Sejauh manakah masyarakat negara ini menggunakan kemajuan teknologi iaitu *Internet* bagi memberikan ruang kepada kesusasteraan Melayu untuk berkembang? Menurut Mohd Anuar Rethwan, *Internet* mempunyai potensi menarik lebih ramai golongan meminati sastera kerana penyebaran tulisan yang lebih pantas dan meluas berbanding medium lama (http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=433847).

Penerimaan sastera *siber* juga antara isu yang dibincangkan di kalangan penggiat sastera. Mohd Dahri Zakaria mengupas isu bertajuk 'sastera *siber* karya kelas dua?' yang disiarkan di dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 17 Oktober 2004.

Menurut beliau, terdapat segolongan penulis yang diiktiraf melalui penglibatan bersama sastera perdana sukar menerima kehadiran kelompok penulis yang bergiat dalam sastera *siber* ini. Pandangan bahawa sastera *siber* kurang hasil seninya turut menjadi faktor penolakan di kalangan sesetengah penulis mapan. Sikap serta penerimaan yang sebegini merupakan antara kekangan bagi keberadaan sastera Melayu di alam *siber*.

Adakah benar bahawa kemajuan arus teknologi yang seharusnya diaplikasi bagi memartabatkan lagi sastera Melayu dipinggirkan oleh penulis-penulis kita sendiri? Sejauhmanakah kesusasteraan Melayu dihadirkan di alam *siber*? Sejauh manakah pula para penulis dan penggiat sastera terlibat di dalam keberadaan kesusasteraan Melayu di alam *siber* ini? Persoalan-persoalan ini memerlukan sebuah





kajian terperinci dalam usaha menyelidik keberadaan kesusasteraan Melayu di alam *siber* serta membuktikan bahawa penulis-penulis serta penggiat sastera turut mengambil bahagian di dalam kewujudan sastera *siber* di negara ini. Hakikatnya, masyarakat perlu disedarkan tentang kehadiran kesusasteraan dalam alam *siber* supaya mereka dapat memanfaatkannya serta memberikan sumbangan dalam menambahbaik mutu hasil sastera tersebut. Atas kesedaran ini, maka penyelidik terpenggil untuk menjalankan kajian dan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan tersebut.

1.4 Soalan Kajian

1.4.1 Apakah jenis-jenis *genre* Kesusasteraan Melayu yang terdapat di alam maya?

1.4.2 Sejauh manakah penulis-penulis terlibat dalam sastera *siber*?

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Mengenalpasti jenis-jenis *genre* Kesusasteraan Melayu dalam alam *siber*.

1.5.2 Mengetahui penglibatan penulis-penulis di alam *siber*.





1.6 Kepentingan kajian

1.6.1 Dapatan kajian ini dapat membantu pelajar mengenalpasti keberadaan kesusasteraan Melayu di alam *siber* dan menggunakannya bagi memantapkan lagi pemahaman mereka terhadap mata pelajaran KOMSAS.

1.6.2 Dapatan kajian ini juga membantu guru mengenalpasti keberadaan sastra di alam *siber* dan mengaplikasi sebahagian bahan yang berkaitan sebagai bahan pembelajaran.

1.6.3 Dapatan kajian ini membolehkan guru serta masyarakat menyedari bahawa kehadiran kesusasteraan di alam *siber* dapat memberikan peluang kepada kewujudan bakat-bakat baru di dalam bidang sastra, samada di kalangan guru sendiri, mahupun dengan menerapkan budaya menulis kepada pelajar-pelajar seterusnya melahirkan bakat-bakat baru yang akan mengayakan hasil penulisan Kesusasteraan Melayu itu sendiri.

1.6.4 Dapatan kajian ini memberikan kesedaran mengenai pentingnya sumbangan para pendidik serta masyarakat, khususnya penulis-penulis di dalam menambahkan lagi ruangan sastra *siber*.





1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan ini telah dibataskan kepada dua enjin carian sahaja iaitu *Yahoo* dan *Google*. Aspek yang dikenalpasti ialah laman-laman sesawang yang menyiarkan maklumat kesusasteraan Melayu.

1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa definisi konsep yang perlu difahami dalam kajian ini. Hal ini adalah bertujuan untuk memudahkan kajian ke atas pernyataan masalah bagi tajuk yang menjadi pilihan. Antara konsep yang akan dijelaskan ialah keberadaan,

kesusasteraan Melayu, serta *siber*.



1.8.1 Keberadaan

Menurut *Kamus Dewan* (2005), keberadaan membawa maksud keadaan (sifat) berada. Bagi tujuan kajian ini, keberadaan boleh diertikan sebagai kewujudan maklumat berkaitan kesusasteraan Melayu dalam laman sesawang.

1.8.2 Kesusasteraan Melayu

Menurut Hashim Awang (1984:1) Kesusasteraan merupakan bahan rakaman manusia tentang apa yang dilihat, yang dialami, yang difikirkan dan dirasakan sebagai aspek





kehidupan yang menarik untuk semua manusia. *Glosori Istilah Kesusasteraan* (1988) pula menjelaskan, kata kesusasteraan yang digunakan dalam Bahasa Melayu dengan erti perpustakaan atau persuratan itu berasal dari bahasa Sanskrit yang terdiri daripada 'su' ertinya indah, baik, lebih berfaedah atau berguna. 'Sastera' ertinya huruf atau buku. Oleh itu kesusasteraan membawa maksud kumpulan buku-buku yang baik-baik isinya dan indah bahasanya.

Manakala Sutan Takdir Alisjahbana (1975) mendefinisikan kesusasteraan itu sebagai seni bahasa yang menjadi alat manusia menyatakan perasaan, fikiran dan angan-angan. Kesusasteraan ini menjadi alat bagi pujangga seni bahasa untuk menjelmakan keindahan melalui tulisan. Kamarudin Hj Husin (1988:225) pula menyatakan kesusasteraan ialah satu bentuk ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Perkataan sanskrit 'susastera' bermaksud huruf atau buku yang indah.

Kesusasteraan menurut Ab. Rahman Ab Rashid, Harun Jaafar, Rosli Saludin dan Talib Samat (2000:37) bermaksud kumpulan buku-buku yang baik isinya dan indah bahasanya. Kesusasteraan Melayu bagi tujuan kajian ini merujuk kepada maklumat-maklumat yang tersiar dalam laman-laman sesawang yang ditulis dalam Bahasa Malaysia yang meliputi *genre-genre* seperti prosa melayu moden, prosa melayu klasik, puisi melayu moden, puisi melayu klasik serta drama.





1.8.3 *Siber*

Definisi *siber* menurut *Kamus Dewan* (2005) ialah berkaitan dengan komputer dan *Internet*. Laman *PCMAG.com* pula menyatakan bahawa perkataan *siber* berasal daripada ‘*cybernetics*’ yang membawa konotasi berkaitan komputer, elektronik atau talian

(http://www.pcmag.com/encyclopedia_term/0,2542,t%3Dcyber&i%3D40618.00.asp).

Manakala *Merriam-webster.com* mendefinisikan *siber* sebagai ‘berkaitan, atau melibatkan komputer, atau rangkaian komputer (sebagai *Internet*)’ (<http://www.merriam-webster.com/dictionary/cyber>). Oleh itu, *siber* bagi tujuan kajian ini adalah laman-laman sesawang yang terdapat di *Internet*.



1.9 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini bahawa keberadaan Kesusasteraan Melayu di alam *siber* dapat memberikan impak yang positif kepada perkembangan sastera itu sendiri. Namun demikian sejauh mana keberadaan kesusasteraan Melayu di alam *siber* masih menjadi tanda tanya. Oleh itu, berdasarkan latar belakang masalah serta persoalan kajian, maka satu penelitian mengenai kewujudan kesusasteraan Melayu di alam *siber* perlu dijalankan. Kajian ini merupakan satu usaha mengenalpasti sumber-sumber kesusasteraan yang boleh dijadikan bahan rujukan serta menambahkan lagi bilangan laman sesawang yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar, pendidik mahupun masyarakat.

